

NO. SOALAN : 38

**PERTANYAAN BAGI PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA ; DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN : 6492

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat manakah kekebalan sistem keselamatan Kerajaan dalam penyimpanan data-data peribadi di JPN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius dalam memastikan semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian mematuhi aspek keselamatan sistem dan penyimpanan data. Dalam hal ini, pangkalan data yang menyimpan semua data peribadi penduduk Malaysia disimpan secara berpusat di Pusat Data Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPNM) dan tidak disimpan di cawangan-cawangan pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Kawalan capaian kepada data-data tersebut juga dibuat secara berpusat dengan melalui empat lapisan keselamatan di samping menggunakan teknologi biometrik. Selain itu, hanya pengguna yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengakses sistem tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini tidak ada sebarang pencerobohan dari luar yang berjaya menembusi keselamatan Pusat Data JPNM walaupun terdapat beberapa cubaan untuk mengakses data-data berkaitan telah dikesan. Di samping itu, ujian-ujian untuk menguji tahap keselamatan dari pencerobohan juga dilaksanakan dari semasa ke semasa. Selain itu, JPN turut menjalinkan kerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk menangani masalah pencerobohan dari luar.

Tuan Yang di-Pertua,

JPN telah melaksanakan *best practices* dalam pematuhan ciri-ciri keselamatan mengikut standard antarabangsa iaitu ISO/IEC 27001:2005 *Information Security Management System (ISMS)* yang telah mendapat pensijilan ini sejak tahun 2008 lagi. ISMS merupakan pendekatan berkesan yang memfokus kepada penilaian dan pengurusan risiko secara sistematik bagi mengurangkan ancaman dan memperkukuhkan lagi keselamatan maklumat di JPN. Dalam hal ini, sistem di JPN akan diaudit oleh juruaudit bertauliah daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) pada setiap tahun untuk memastikan tahap keselamatan data-data peribadi sentiasa dipatuhi. Dengan pensijilan yang diterima, JPN telah ditauliahkan sebagai sebuah jabatan yang memenuhi pematuhan prinsip-prinsip keselamatan maklumat iaitu *confidentiality, integrity, availability dan authenticity*. Selain itu, JPN juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan teknologi komunikasi maklumat (ICT) seperti SIRIM dan CyberSecurity Malaysia untuk memastikan tiada penyalahgunaan dalam sistem ICT.

Di samping itu, data-data peribadi di JPN disimpan dengan selamat selaras dengan peruntukan Subperaturan 12(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang menyebut bahawa daftar tidak boleh dibuka untuk pemeriksaan oleh orang awam.